

Tindakan tegas jika hidupkan al-Arqam

PM beri amaran berikutan penahanan 100 pengikut Ruffaqa'

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad dan Rafidah Mohd Ruzki

SERDANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tindakan undang-undang akan diambil terhadap sebarang cubaan memulihkan semula kumpulan al-Arqam yang diharamkan pada 1994.

"Gerakan al-Arqam memang sudah dianggap tidak sah, sudah diharamkan. Dengan itu soal untuk memulihkan ajaran al-Arqam tentu akan menghadapi tindakan dari segi undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kira-kira lima jam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2006 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAPES) Mardi, di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menahan kira-kira 100 orang, termasuk kanak-kanak ketika mendengar ceramah seorang pemimpin kanan sebuah pertubuhan didakwa cuba menghidupkan semula kumpulan al-Arqam di sebuah rumah kedai di Seksyen 13, Shah Alam, kelmarin.

Mereka ditahan mengikut Seksyen 12 (c) Enakmen Jenayah Syariah Selangor bagi membolehkan keterangan diambil sebelum dibebaskan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Belia dan Mesra Rakyat negeri, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata serbuan dilakukan hasil intipan Jais selama sebulan.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jais, Fakrul Azam Yahya, berkata Jais akan mendakwa empat pemimpin pertubuhan itu yang dipercayai cuba mengamalkan semula ajaran Aurad Muhammadiyah yang diharamkan sebelum ini.

Katanya, keempat-empat pemimpin itu dipercayai ahli perniagaan yang semuanya berusia 40-an dan terbabit dengan Pertubuhan Ruffaqa', satu pertubuhan yang diketuai As-haari Mohamad, bekas pemimpin Kumpulan al-Arqam yang diharamkan pada 1994.

"Unit Pendakwaan Jais untuk menentukan bila mereka akan didakwa selepas kenyataan empat pemimpin itu diambil," katanya.

Fakrul Azam berkata, kebanyakan yang ditahan itu adalah bekas ahli Kumpulan al-Arqam dan serbuan itu dilakukan selepas Jais menerima aduan orang ramai mengenai kegiatan kumpulan itu.

Beliau berkata, semua yang ditahan kelmarin akan dibebaskan hari ini manakala empat pemimpin berkenaan akan dibebaskan jika mereka tidak didakwa hari ini.

Setiausaha Syarikat Ruffaqa', Tuan Zulkifli Awang Kechik, ketika diminta mengulas penahanan ahli kumpulan itu berkata, dia yakin pengendali program ceramah di Seksyen 13, Shah Alam itu tidak menerapkan ajaran Aurad Muhammadiyah.

"Kumpulan al-Arqam diharamkan sejak 1994 lagi dan tidak timbul soal kemungkinan ajarannya akan dihidupkan semula.

"Selepas ada ahli dan pemimpin kami ditahan termasuk mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kami sedar dan tahu mengenai undang-undang negara ini," katanya ketika dihubungi.

Pusat Motivasi Harmoni adalah antara anak syarikat Ruffaqa' yang menganjurkan pelbagai program motivasi dan kursus bina insan untuk

ahli Ruffaqa' dan pihak luar yang berminat.

Tuan Zulkifli berkata, Syarikat Ruffaqa' tidak menganggap isu serbuan Jais di pusat motivasi itu sebagai 'kejadian besar' kerana mereka memahami apa yang dibuat, termasuk ia adalah entiti perniagaan.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Ismail Omar, berkata polis tidak terbabit dengan siasatan terhadap kumpulan berkenaan kerana kes itu di bawah bidang kuasa Jais.